



## **PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2021**

---

**GARIS PANDUAN KEMASUKAN PELATIH KE INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN), BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN (BLP), JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA BERSEMUKA**

---

### **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan Kemasukan Pelatih ke Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Bahagian Latihan Perhutanan (BLP), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Bersemuka ini bertujuan menerangkan dengan lebih jelas langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelatih, pensyarah dan pengawai dalam pengurusan kemasukan pelatih dan pengurusan pusat pengasingan di FORTRAIN, BLP, JPSM. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama **Pekeling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 7 Tahun 2020 - Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH) dan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia** bertarikh 20 Ogos 2020.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Kemasukan pelatih KSPRH dan KSPPH ke FORTRAIN adalah merujuk kepada kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

bertarikh 31 Januari 2021 berkaitan dengan Kemasukan Semula Pelajar Ke Kampus Secara Fizikal Bermula 1 Mac 2021, membenarkan pelajar berkeperluan kembali ke kampus secara fizikal bermula 1 Mac 2021 bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid iaitu secara fizikal dan secara atas talian.

- 2.2 Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) prihatin dan menyedari kepentingan dalam memastikan keperluan program pengajian pelatih berjalan dengan sempurna walaupun berhadapan dengan cabaran wabak pandemik COVID-19. Sehubungan dengan itu, kemasukan pelatih FORTRAIN bagi melaksanakan PdP secara bersemuka akan dibuat secara berfasa mengikut tarikh yang ditetapkan.
- 2.3 Garis panduan ini disediakan bertujuan memberi panduan yang lebih berfokus kepada pengurusan kemasukan pelatih dan pengurusan pusat pengasingan bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19 seiring dengan arahan semasa Kerajaan.
- 2.4 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) akan melaksanakan proses dan pengendalian pelatih untuk kemasukan ke FORTRAIN secara berfasa mengikut wilayah dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard [*Standard Operating Procedures (SOP)*] yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan JPSM.

### **3.0    OBJEKTIF**

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan proses pelaksanaan kemasukan pelatih ke FORTRAIN dilaksanakan dengan baik dan selamat seiring dengan arahan semasa Kerajaan bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19.

#### **4.0 PELAKSANAAN PdP SECARA HIBRID DI FORTRAIN**

- 4.1 Pelaksanaan PdP secara bersemuka di FORTRAIN akan dijalankan dengan mematuhi sepenuhnya SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan JPSM, mengutamakan keselamatan dan kebajikan pelatih seperti mana yang terkandung dalam **Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 7 Tahun 2020 - Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH) dan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia** bertarikh 20 Ogos 2020.
- 4.2 Sebagai langkah mengawal penularan wabak pandemik COVID-19, semua pelatih adalah **DIWAJIBKAN** untuk menginap di asrama mengikut tarikh yang ditetapkan seperti mana para 6.1. Pelatih juga adalah **DILARANG** untuk keluar dari kawasan FORTRAIN atau menerima sebarang pelawat kecuali dengan kelulusan pengurusan JPSM/FORTRAIN atas sebab yang munasabah.

#### **5.0 TATACARA KEMASUKAN PELATIH KE FORTRAIN BAGI SESI PdP SECARA BERSEMUKA**

- 5.1 Tatacara kemasukan pelatih adalah seperti mana berikut:
- 5.1.1 Pelatih yang telah mendapat surat kebenaran JPSM untuk hadir ke FORTRAIN perlulah menyediakan dua (2) dokumen iaitu:
- i. **Surat Panggilan Kemasukan Pelatih oleh JPSM;** dan
  - ii. **Surat Kebenaran Pergerakan dari Polis Diraja Malaysia (PDRM).**
- 5.1.2 Pelatih perlu membuat pengisyntiharan kesihatan dengan mengisi Borang Pengisyntiharan Kesihatan secara atas talian mengikut pautan seperti berikut: <https://forms.gle/xtzAF5yCLFre74aB6> dalam tempoh **24 jam** sebelum ketibaan untuk pendaftaran masuk. Bukti Pengisyntiharan Kesihatan yang telah dibuat hendaklah ditunjukkan

semasa pendaftaran. Maklumat **pautan**, **kod QR** serta contoh **Borang Pengistiharan Kesihatan** adalah seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.

- 5.1.3 Pelatih perlu menjalani ujian *swab* di Hospital / Klinik Perubatan Kerajaan / Swasta sebelum hadir melaporkan diri di FORTRAIN:
- i. Pelatih Sabah dan Sarawak perlu menjalani ujian *swab* dalam tempoh **tiga (3) hari sebelum tarikh penerbangan**; dan
  - ii. Pelatih Semenanjung perlu menjalani ujian *swab* dalam tempoh **satu (1) hari sebelum tiba di FORTRAIN**
- serta perlu mengemukakan maklumat keputusan ujian *swab* dan maklumat penerbangan kepada pihak FORTRAIN.
- 5.1.4 Sekiranya keputusan ujian *swab* adalah negatif, pelatih boleh membuat pergerakan ke lapangan terbang atau pergerakan ke FORTRAIN mengikut jadual yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya keputusan ujian *swab* adalah positif, pelatih tidak dibenar meneruskan pergerakan ke FORTRAIN.
- 5.1.5 Perkhidmatan pengangkutan pelatih Sabah dan Sarawak dari Lapangan Terbang KLIA ke FORTRAIN akan disediakan. Pelatih yang tidak bergejala, boleh terus menaiki kenderaan manakala pelatih yang bergejala perlu dirujuk ke fasiliti kesihatan KLIA.
- 5.1.6 Carta alir kemasukan pelatih Semenanjung, Sabah dan Sarawak ke FORTRAIN adalah seperti pada **Lampiran 3**.

## **6.0 PENGURUSAN PELATIH DI PUSAT PENGASINGAN**

6.1 Pelatih akan menjalani proses pengasingan selama **sepuluh (10) hari** bermula dari hari ketibaan pelatih ke FORTRAIN. Proses pengasingan tersebut akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa iaitu:

**Jadual 1: Fasa Kemasukan Pelatih Dan Proses Pengasingan Di FORTRAIN**

Perkara	Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
<b>Tarikh</b>	4 Oktober 2021 ( Isnin )	15 Oktober 2021 ( Jumaat )	26 Oktober 2021 ( Selasa )
<b>Masa</b>	9.00 pagi hingga 5.00 petang		

Nota:

Pusat pengasingan akan ditutup pada 14 & 25 Oktober 2021 dan 5 November 2021 bagi tujuan pembersihan dan sanitasi.

### **6.2 Pendaftaran Masuk:**

6.2.1 Pelatih akan masuk ke Dewan Pendaftaran dan perlu menjalani saringan kesihatan di kaunter yang disediakan. Pelatih yang tidak bergejala akan terus ke pusat pengasingan yang telah ditetapkan.

6.2.2 Pelatih yang mempunyai simptom COVID-19 seperti demam (lebih daripada 37.5°C), keletihan, batuk, sakit-sakit badan, sakit tekak, sakit kepala, sesak nafas, sakit dada, hilang deria rasa dan bau perlu menjalani pemeriksaan di Hospital / Klinik Perubatan Kerajaan / swasta berhampiran bagi mendapatkan rawatan.

### **6.3 Pusat Pengasingan:**

6.3.1 Pelatih diminta sentiasa memantau tahap kesihatan kendiri dan melaporkan dengan segera kepada petugas/pensyarah sekiranya mula mengalami sebarang gejala.

- 6.3.2 Pemakaian pelitup muka (*face mask*), mencuci tangan dengan kerap dan menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter perlu menjadi amalan kepada pelatih dan warga kerja bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19.
- 6.3.3 Pelatih hendaklah menyediakan pelitup muka (*face mask*) dan pencuci tangan sendiri untuk kegunaan harian dan menggunakannya apabila keluar daripada bilik pengasingan.
- 6.3.4 Pelatih dilarang berkumpul untuk sebarang aktiviti tanpa kebenaran selepas pendaftaran.
- 6.3.5 Pelatih tidak dibenarkan untuk keluar dari bilik dalam tempoh **sepuluh (10) hari** kecuali atas urusan urus diri dan pembelian makanan di kafeteria.
- 6.3.6 Pelatih dibenarkan membeli makanan di kafeteria secara ***packed food*** atau ***take away*** mengikut jadual seperti mana berikut:

**Jadual 2: Tempoh Masa Pembelian Makanan**

Perkara	Masa
Sarapan Pagi	0800 – 0900
Makan Tengah Hari	1130 – 1230
Makan Malam	1900 – 2030

- 6.3.7 Pelatih hanya dibenarkan makan di bilik pengasingan masing-masing.
- 6.3.8 Pelatih **tidak dibenarkan** untuk membuat pesanan penghantaran makanan dari luar FORTRAIN seperti (***Grabfood, Foodpanda***) sepanjang arahan pengasingan dijalankan.
- 6.3.9 Sepanjang tempoh pengasingan, pelatih yang mengalami gejala boleh menghubungi petugas pusat pengasingan/pensyarah untuk mendapatkan bantuan di Hospital / Klinik Perubatan Kerajaan / swasta berdekatan.

**6.3.10 Pelatih tidak dibenarkan:**

- i. berada di bilik rakan/di ruang lain;
- ii. sebarang aktiviti berkumpulan/sukan; dan
- iii. menerima pelawat

sepanjang menjalani arahan pengasingan.

**6.3.11 Pelatih perlu memastikan bilik sentiasa bersih.**

**6.3.12 Pelatih perlu memastikan semua peraturan dipatuhi demi keselamatan, kesejahteraan dan kebaikan semua pihak terpelihara.**

**7.0 PENUTUP**

Garis Panduan Kemasukan Pelatih ke Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Bahagian Latihan Perhutanan (BLP), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Bersemuka ini diharap dapat memastikan pelaksanaan kemasukan pelatih ke FORTRAIN dilaksanakan dengan baik dan selamat seiring dengan arahan semasa Kerajaan bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19.

**8.0 PEMATUHAN**

8.1 Pematuhan garis panduan ini adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh MKN dari semasa ke semasa.

8.2 Pihak JPSM berhak untuk melakukan perubahan termasuk menangguhkan proses pendaftaran pelatih FORTRAIN sekiranya terdapat risiko penularan COVID-19 serta tertakluk kepada arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

8.3 Pelatih akan dimaklumkan jika terdapat sebarang perubahan seberapa segera untuk membolehkan pelatih mengambil tindakan yang diperlukan.

8.4 Kerjasama para pelatih untuk lebih cakna dalam pematuhan SOP dan sentiasa mematuhi peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa adalah amat dihargai.

## **9.0 TARIKH KUAT KUASA**

Garis panduan ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai di Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Bahagian Latihan Perhutanan (BLP), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

## **10.0 PEMBATALAN**

Pekeliling ini akan terbatal secara serta-merta apabila tempoh PKP 3.0 tamat sepenuhnya.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)**

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia

Tarikh : 11/10/2021

**LAMPIRAN 1**

**KAEDAH CAPAIAN BORANG PENGISTIHARAN KESIHATAN**  
**SECARA ATAS TALIAN**

No.	Kaedah Capaian	Maklumat
1	Pautan (Link)	<a href="https://forms.gle/xtzAF5yCLFre74aB6">https://forms.gle/xtzAF5yCLFre74aB6</a>
2	Kod QR	

## LAMPIRAN 2

### BORANG PENGISYIHKAN KESIHATAN

Section 1 of 7

**BORANG PENGISYIHKAN KESIHATAN  
PELATIH INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN  
(FORTRAIN), BAHAGIAN LATIHAN  
PERHUTANAN, JABATAN PERHUTANAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA.**

BORANG INI ADALAH WAJIB DIISI DAN HANTAR OLEH SEMUA PELATIH YANG AKAN MELAPORKAN DIRI KE INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN) SEBAGAI PEMATUHAN KEPADA SOP DALAM MENCEGAH PENULARAN COVID-19 YANG TELAH DITETAPKAN.

Email \*

Valid email address

This form is collecting email addresses. [Change settings](#)

STATUS \*

1. PELATIH

After section 1 Continue to next section

Section 2 of 7

## MAKLUMAT PERIBADI

Description (optional)

NAMA PENUH (seperti dalam kad pengenalan) \*

Long-answer text

JANTINA \*

1. LELAKI

2. PEREMPUAN

TARIKH LAHIR \*

Day, month, year



NO. KAD PENGENALAN (cth : xxxxx-xx-xxxx) \*

Short-answer text

After section 2 Continue to next section

## ALAMAT TERKINI

Alamat dimana anda tinggal atau menetap sekarang.

ALAMAT RUMAH (cth. : No./Lorong/Jalan/Sungai/Dll.) \*

Short-answer text

BANDAR \*

Short-answer text

POSKOD \*

Short-answer text

NEGERI \*

- PERLIS
- KEDAH
- PULAU PINANG
- PERAK
- SELANGOR
- NEGERI SEMBILAN
- MELAKA
- JOHOR
- PAHANG
- TERENGGANU
- KELANTAN
- SABAH
- SARAWAK

NO. TELEPON : (cth : 0173338888) \*

Short-answer text

After section 3 Continue to next section

Section 4 of 7

## REKOD PERGERAKAN KE LUAR NEGARA

X ::

Description (optional)

ANDAKAH ANDA BERADA DI LUAR NEGARA UNTUK TEMPOH 30 HARI YANG LALU? \*

1. YA
2. TIDAK

After section 4 Continue to next section ▾

## REKOD PERGERAKAN DALAM NEGARA

X ::

Description (optional)

DALAM TEMPOH 14 HARI YANG LALU, ANDA PERNAH BERADA DI NEGERI-NEGERI LAIN? \*

1. TIDAK
2. YA

MERUJUK KEPADA PERKARA DI ATAS, NEGERI-NEGERI LAIN YANG DILAWATI DALAM TEMPOH 14 HARI YANG LALU ADALAH?

- TIDAK BERKAITAN
- SABAH
- SARAWAK
- PERLIS
- KEDAH
- PULAU PINANG
- PERAK
- SELANGOR
- NEGERI SEMBILAN
- MELAKA
- JOHOR
- PAHANG
- TERENGGANU
- KELANTAN

After section 5 Continue to next section

Section 6 of 7

## MAKLUMAT KESIHATAN

SILA BERIKAN MAKLUMAT YANG TEPAT & BETUL SUPAYA LANGKAH PENCEGAHAN DAPAT DIAMBIL LEBIH AWAL.

PERNAHKAH ANDA DISAHKAN POSITIF COVID-19 SEBELUMINI? \*

- Ya  
 Tidak

TARIKH ANDA DISAHKAN POSITIF-19 SEBELUMINI? (SILA ABAIKAN SOALANINI. SEKIRANYA TIDAK BERKAITAN).

Day, month, year



ADAKAH ANDA MEMPUNYAI MASALAH KESIHATAN SEPERTI BERIKUT:- \*

- DARAH TINGGI  
 SAKIT JANTUNG  
 KENCING MANIS  
 ASMA  
 TIADA

ADAKAH ANDA MEMPUNYAI TANDA-TANDA ATAU GEJALA-GEJALA SEPERTI BERIKUT:- \*

- DEMAM  
 SELSEMA  
 BATUK-BATUK  
 SAKIT TEKAK  
 SESAK ATAU SUSAH BERNAFAS  
 TIADA

STATUS SEMASA VAKSINASI ANDA? \*

- BELUM  
 TELAH SELESAI TERIMA DOS 1  
 TELAH SELESAI TERIMA DOS 1 & DOS 2

After section 6 Continue to next section

## MAKLUMAT UNTUK KECEMASAN

Individu yang boleh dihubungi jika berlaku kecemasan.

NAMA \*

Long-answer text

HUBUNGAN \*

Long-answer text

NO. TELEPON :

(cth : 0173338888) \*

Long-answer text

PENGESAHAN DAN PERSETUJUAN


Description (optional)

DENGAN INI SAYA MENGAKU TELAH MEMBERIKAN MAKLUMAT YANG BETUL DAN TEPAT SEPERSIMANA YANG DIPERLUKAN DALAM DEKLARASI KESIHATAN DIRI SAYA DAN KEBERADAAN DIRI SAYA PADA MASA DAN TEMPAT YANG TELAH DI NYATAKAN DI DALAM E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN & KESELAMATAN. SEBARANG PEMALSUAN MAKLUMAT YANG MEMBERIKAN KESAN KEPADA SAYA MAUPUN INSTITUSI ADALAH DIBAWAH TANGGUNGJAWAB SAYA SEPENUHNYA. SAYA DAN SESIAPA SAHAJA YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN DENGAN DIRI SAYA BERSETUJU UNTUK TIDAK AKAN MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN TERHADAP INSTITUSI (FORTRAIN) DAN SAYA MEMAHAMI SEMUA SYARAT DAN TERMA YANG TELAH DITETAPKAN.

SETUJU

### LAMPIRAN 3

#### CARTA ALIR PERGERAKAN PELATHI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK KE FORTRAIN



\* Sebarang perubahan tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan.